

Padankan ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

1. "Lebih baik _____ bermalam di rumah hamba sahaja memandangkan hari semakin senja," ajak Pak Kaduk kepada Hang Nadim.

engkau

2. "_____ telah menemukan sebuah kotak lama yang mengandungi surat wasiat di bilik nenek," ujar Ain kepada Aisyah.

saudara

3. "Aku telah sembuh kerana doa yang _____ panjatkan kepada Tuhan," ujar Fatin dengan gembiranya

Kalian

4. "Saya Farhani. Saya yang akan menemu duga _____ pada hari ini," kata Puan Farhani memperkenalkan diri.

tuan hamba

5. "_____ tidak dibenarkan pulang selagi kertas kerja ini tidak disiapkan!" bentak Tan Sri Mansur kepada semua pekerjanya.

Kami

Praktis 5

Nyatakan **kata ganti nama diri kedua** yang bergaris dalam ayat betul (✓) atau salah (✗) digunakan

- Awak ditahan kerana terlibat dalam kes penggubahan wang haram.
Betul () Salah ()
- "Ya Tuhan, Engkau ampunkanlah segala dosa kami," doa Mariam kepada Tuhan.
Betul () Salah ()
- "Patik akan mengiringi tuan hamba ke istana untuk menghadap sultan, kata Mat Kilau kepada Maharajalela.
Betul () Salah ()
- Kakitangan di hospital ini sedia merawat anda.
Betul () Salah ()
- Beta telah menerima surat pelantikan sebagai ketua kampung sejak beberapa hari yang lalu.
Betul () Salah ()

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Jangkitan virus Covid-19 harus _____ elakkan dengan mematu... Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata juruhebah radio itu.
A. kamu
B. anda
C. tuanku
D. kalian
2. Sebagai Ketua Polis Negara, _____ Abdul Hamid Bador mengarahkan anggota polis membuat sekatan jalan raya untuk mencari banduan yang lari dari penjara petang semalam.
A. Saudara
B. Tuan
C. Cik
D. Tuanku
3. "Sayalah yang menyelamatkan _____ tadi,"beritahu Ahmad kepada pemuda yang diselamatkannya.
A. anda
B. tuan hamba
C. tuanku
D. saudara
4. "Jika _____ memiliki akhlak yang baik, banyak orang akan menyayangi kamu,"pesan ibu kepada Zarith.
A. engkau
B. anda
C. kamu
D. saudara
5. " _____ perlu membantu unit khas mengangkat kotak-kotak ubat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada hari ini," ujar Tar Mansor kepada pekerja-pekerjanya.
A. kalian
B. anda
C. engkau
D. saudara